

09/10/2001

Cuepacs bincang pelaksanaan akujanji

KUALA LUMPUR, Isnin - Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam Malaysia (Cuepacs) akan berbincang dengan kerajaan mengenai pelaksanaan peraturan akujanji seperti yang diwajibkan kepada semua kakitangan awam.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata sebelum peraturan itu dilaksanakan, Cuepacs mahu perbincangan mengenai pelaksanaannya dibuat terlebih dahulu.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata, walaupun kerajaan sudah meluluskan peraturan itu ada beberapa perkara perlu dilihat kembali.

"Cuepacs akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan seperti yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, pagi ini," katanya.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Prof Madya, Mohamad Ali Hassan berkata, akujanji itu perlu diterima kakitangan kerajaan dan pelajar kerana ia mengingatkan tanggungjawab mereka kepada diri sendiri dan kerajaan.

"Akujanji ini dapat memperkasa dan memartabatkan lagi tugas kakitangan kerajaan dan pelajar di negara ini supaya mereka tidak lupa dengan tanggungjawab masing-masing," katanya.

Perwakilan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) mahu kerajaan memberikan taklimat mengenai pelaksanaan peraturan akujanji itu.

Setiausaha Agungnya, Abdullah Abdul Karim berkata, pelajar perlu diberi tahu mengenai pelaksanaan akujanji itu supaya tidak keliru.

Di KUALA TERENGGANU, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyeru kerajaan bertegas dalam menguatkuasakan peraturan akujanji terhadap pelajar bagi memastikan mereka tidak terus terbabit kegiatan bertentangan dengan peraturan universiti dan negara.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohammad berkata, sudah sampai masanya tindakan itu diambil selepas pelbagai peluang diberi kepada pelajar untuk memperbetulkan keadaan.

Syed Anuar berkata, walaupun tidak ramai pelajar terbabit kegiatan yang melanggar peraturan universiti, tindakan yang tegas penting bagi memastikan masalah itu tidak terus menular.

(END)